

# **IMPLIKASI STATUS SOSIOEKONOMI KELUARGA DAN PERSEKITARAAN TERHADAP KECICIRAN MURID INDIA: KAJIAN KES DI PUCHONG**

## ***IMPLICATION OF SOCIAL ECONOMIS STATUS AND ENVIRONMENT TOWARDS INDIAN DROPOUTS: A CASE STUDY IN PUCHONG***

**Ghandi Mathi A/P S Dharmalingam<sup>1</sup>**

Ghazali Shafie Graduate School of Government (GSGSG),  
Pusat Pengajian Undang-undang Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa,  
Universiti Utara Malaysia.  
(Email: tshantisathia@yahoo.com)

**Dr. R. Sivaperagasm P. Rajanthiran<sup>2</sup>**

Pensyarah Kanan Pusat Pengajian Undang-Undang Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa,  
Universiti Utara Malaysia (UUM), Malaysia.  
(Email: sivaperagasm@uum.edu.my)

**Received date:** 12-12-2019

**Revised date:** 30-12-2019

**Accepted date:** 31-12-2019

**Published date:** 31-12-2019

**To cite this document:** Dharmalingam, G., M., S., & Rajanthiran, R., S., P. (2019). Implikasi Status Sosioekonomi Keluarga Dan Persekitaran Terhadap Keciciran Murid India: Kajian Kes Di Puchong. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 4 (33), 284-297.  
**DOI:** 10.35631/IJEPc.4330022

**Abstrak:** Keciciran dalam kalangan murid India haruslah diberikan perhatian penting kerana menjadi punca utama peningkatan gejala sosial melibatkan remaja India. Terdapat pelbagai punca yang membawa kepada keciciran murid India di sekolah menengah. Kajian ini memfokuskan faktor sosioekonomi dan persekitaran terhadap keciciran murid India; mendedahkan kesan keciciran murid India dan mengenal pasti langkah-langkah untuk mengatasi keciciran dalam kalangan murid India. Kajian ini dilaksanakan dibeberapa kawasan di bandar Puchong. Kajian ini melibatkan murid-murid sekolah menengah di bandar Puchong. Kajian ini berbentuk kualitatif iaitu temu bual pemerhatian dan penelitian dokumentasi. Responden terdiri daripada 6 orang murid tercincir yang terdiri daripada golongan B40. Hasil dapatan kajian jelas menunjukkan bahawa keadaan sosioekonomi keluarga yang kurang memuaskan dan persekitaran murid merupakan faktor yang menyumbangkan kepada peningkatan masalah keciciran murid India di alamm persekolahan menengah. Kesan keciciran murid ini dibincang dengan mendalam dan beberapa cadangan dikemukakan bagi mengatasi serta mengurangkan masalah keciciran murid India.

**Kata Kunci:** Pelajar India, Keluarga, Persekitaran, Keciciran Murid, Pendapatan B40

<sup>1</sup> Calon PhD G Ghazali Shafie Graduate School of Government (GSGSG), Pusat Pengajian Undang-undang Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa, Universiti Utara Malaysia, Sintok, Kedah

<sup>2</sup> Pensyarah Kanan Pusat Pengajian Undang-Undang Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa, Universiti Utara Malaysia (UUM), Sintok, Kedah Malaysia

**Abstract:** The issue on hand of major destruction is the dropping out of Indian students is addressed inclusive of the low-income households (B40). Numerous factors evolve around the fact-driven the dropout of Indian students at the secondary schools. The purpose of this study is to examine and expose the socio-economic and the effect of the environmental factors towards the increase in the number of Indian dropouts. The objective of this study is to identify the socioeconomic influence of the family and the environment factor that contributed towards the increase in the number of Indian students dropouts; learn about the implications of the increase of the number of dropouts identify the ways to overcome this problem. This study is conducted in selected areas in Puchong, Selangor, Malaysia. Respondents are secondary school dropouts. Qualitative method is used, researchers use interviewing, observation dan documentation research. Only 6 selected respondents from the lower-income category participate in these studies. The outcome of the studies proved that lower socioeconomic status and the environment were the main cause of dropouts. The Implication of the increase in the dropout rate and some suggestions to reduce the dropout rate is also discussed.

**Keywords:** Indian Student, Family, Student Dropout, B40 Income

---

## Pengenalan

Pembangunan sesebuah negara bergantung kepada pelbagai faktor antara elemen yang terpenting ialah pendidikan. Walaupun negara Malaysia sudah pun memiliki satu pelan pendidikan yang kukuh dan latar belakang pendidikan yang baik namun pencapaian masyarakat Malaysia dalam bidang pendidikan masih dapat dipertikaikan. Apatah lagi menjelang tahun 2020 ini. Komuniti yang bersikap progresif dan saintifik seperti yang dilhamkan oleh Wawasan 2020 masih belum dapat dicapai.

Sistem pendidikan di Malaysia telah berkembang daripada zaman penjajahan. Kebanyakkannya sistem pendidikan yang diperkenalkan adalah bersifat tidak formal iaitu secara lisan. Seterusnya sistem pendidikan formal telah diperkenalkan dan sekolah-sekolah Inggeris telah dibuka. Pada awalnya pendidikan lebih tertumpu di bandar-bandar dan kawasan yang mengalami pertumbuhan ekonomi yang pesat. Kini kerajaan telah membuat pelbagai penambahbaikan dan usaha bagi merapatkan jurang perbezaan yang telah lama wujud ini dalam menangani masalah keciciran yang kian meruncing. Walaupun tidak dapat dinafikan bahawa golongan yang celik huruf masih meningkat, namun bilangan kanak-kanak yang buta huruf dan kadar keciciran semakin bertambah (SWO) 2019.

Kerajaan telah melakukan pelbagai langkah-langkah bagi merapatkan jurang pendidikan namun begitu masalah keciciran semakin meruncing. Statistik menunjukkan bahawa kuantiti keciciran murid dan buta huruf adalah tinggi dalam kalangan masyarakat India. Laporan Statistik Kementerian Pendidikan Malaysia menunjukkan kuantiti murid India yang tercicir amat ketara.

Taraf hidup masyarakat India masih ketinggalan kerana pelbagai faktor sosioekonomi. Kajian seperti ini adalah wajib untuk mengkaji latar belakang sosioekonomi masyarakat India yang berkait rapat dengan keciciran murid India di sekolah menengah. Weber dan Max berpendapat bahawa taraf sosioekonomi sesebuah keluarga mempengaruhi persekitaran dan cara kanak-kanak itu mengalami perkembangan. Murid yang datang daripada latarbelakang sosioekonomi yang tinggi sentiasa memberikan tumpuan berlebihan terhadap anak-anak. Keluarga yang berstatus tinggi sentiasa mempunyai inisiatif tinggi kerana tiada kekangan kewangan dan

kebarangkalian untuk memperoleh kejayaan tinggi. Manakala golongan murid daripada kategori miskin atau status sosioekonomi yang rendah sering kelaparan, dipinggirkan, tiada kemudahan asas dan pelbagai keperluan yang minimum menyebabkan mereka tiada motivasi untuk meneruskan pembelajaran serta terjebak dalam masalah keciciran menjurus kepada kegagalan dalam kehidupan, Zakiyah Jamaluddin (2011).

Keadaan kehidupan yang sukar dan tiada hala menyebabkan mereka hilang hala tuju dan tidak merancang masa hadapan serta menjadi mangsa keciciran daripada alam persekolahan. Kemelut ini menjadi jauh lebih serius apabila mereka terjebak dalam gejala sosial seperti penagihan dadah, penipuan dan rompakan. Walaupun seseorang murid mempunyai cita-cita yang tinggi untuk berjaya dalam pelajaran namun cita-cita mereka tadak mungkin terlaksana jika tiada sokongan daripada ibu bapa, Ganesen (2013)

Penyelidikan yang dijalankan oleh Yayasan Strategik Sosial (2002) membuktikan bahawa fenomena keciciran dalam kalangan murid-murid India ada kaitan dengan status sosioekonomi ibu bapa seperti pendidikan, tahap kemiskinan keluarga dan status perkhawinan mungkin tiada. Jabatan Statistik Malaysia pula telah mengukuhkan kenyataan ini pada tahun 2016, etnik India mempunyai peratusan tertinggi golongan berpendapatan rendah iaitu “Bottom 40” (B40) iaitu sebanyak 17.5% berbanding dengan kaum lain. Kadar pengangguran tertinggi berbanding dengan etnik lain. Etnik India merekodkan kadar pengangguran paling tinggi iaitu sebanyak 4.7% manakala etnik Bumiputera dan Cina merekodkan 4% dan 2.4% masing-masing. Penyataan ini telah membuktikan bahawa masyarakat India jauh ketinggalan dan tidak mampu memberikan daya saingan dengan kaum lain untuk mengecapi kemajuan diri laporan (SWO 2019).

### **Permasalahan Kajian**

Sejak kebelakangan ini, pelbagai usaha telah dilakukan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia untuk mengatasi masalah kekurangan penguasaan kemahiran 3M dan murid berpencapaian rendah. Namun, masih terdapat murid-murid di Malaysia khususnya daripada kaum India yang tidak menguasai kemahiran asas 3M. Menurut Janaki Raman (2012), pada tahun 2010 seramai 10,576 murid menduduki PMR dan mengambil mata pelajaran Bahasa Tamil. Peratus kelulusan bagi mata pelajaran Bahasa Tamil sendiri amat kurang memuaskan iaitu seramai 2,010 orang murid atau 19% hanya memperolehi gred D dan seramai 3,734 orang murid mendapat gred E Sahaja. Mata pelajaran Tamil yang merupakan bahasa ibunda pun memperlihatkan keputusan yang kurang baik sudah tentu mata pelajaran lain pun kurang memuaskan juga.

Selain daripada itu menurut Jabatan Pendidikan Selangor merekodkan 3,311 pelajar di negeri ini tercincir persekolahan pada tahun 2017. Pengaruhnya, Mohd Salleh Mohd Kassim, berkata bahawa, daerah Petaling Perdana iaitu Selangor mencatatkan jumlah tertinggi, diikuti Klang, Hulu Langat, Gombak dan Kuala Selangor.

Satu lagi contoh ialah pada tahun 2017 di negeri Selangor, Seramai 77,926 murid telah menduduki SPM di negeri Selangor dan hampir 10,567 iaitu 13.5% gagal memperoleh Gred E dalam mata pelajaran Bahasa Melayu untuk melayakkkan mereka mendapat sijil dan hampir 3046 iaitu 33% terdiri daripada murid India. (Unit Penilaian dan Peperiksaan, Jabatan Pelajaran Negeri Selangor, 2017).

Sekiranya keadaan ini berterusan golongan murid India yang berpencapaian rendah dalam negara meningkat. Murid-murid yang gagal mendapat keputusan yang baik dan cemerlang

menghadapi kesukaran untuk memperoleh pekerjaan yang berpendapatan baik. Terdapat juga segelintir yang langsung tidak mendapat sebarang pekerjaan keadaan ini berpotensi untuk meningkatkan gejala sosial seperti merompak, mengugut dan terbabit dalam gangsterism masa datang. Bilangan penjenayah dalam kalangan masyarakat India bertambah.

Ini dapat dilihat melalui statistik tahanan seperti mana yang terdapat dalam Jadual 1.3

<b>Jadual 1.3: Tahanan di Pusat Tahanan di Simpang Renggam, Johor</b>		
Kaum	Disember 2014	Mac 2015
Melayu	147	152
Cina	145	147
<b>India</b>	<b>371</b>	<b>397</b>
Lain-lain	32	27
<b>Jumlah</b>	<b>695</b>	<b>723</b>

Sumber: Pusat Pemulihan Simpang Renggam

Masalah keciciran murid India di sekolah menengah sering mendapat perhatian daripada semua lapisan masyarakat dan NGO. Kajian Yayasan Strategik Sosial (2010) membuktikan bahawa Sebanyak 73.5% atau 125,000 daripada 269,985 murid India daripada lingkungan umur 13 hingga 17 tahun yang melanjutkan pelajaran ke sekolah menengah (Jadual 1.5 dan 1.6). Ini bermakna seramai 39,680 atau 26.3% tercicir dari bangku sekolah.

Menurut Rohana Yusuf (2010) murid-murid yang keciciran persekolahan selalu dikaitkan dengan masa depan yang gelap. Masalah pencapaian yang rendah berlanjutan sehingga murid menduduki SPM dan gagal. Akibat kemerosotan pencapaian ini menyebabkan konsep kendiri dan motivasi dalaman murid rendah dan sentiasa terbawa-bawa dengan persepsi negatif terhadap keupayaan diri (Gunasekeran, 2013).

**Jadual 1.5: Bilangan Murid Pemulihan Bumiputera dan Bukan Bumiputera Peringkat Kebangsaan Di Sekolah Menengah**

Sekolah	Menengah	
	Bumiputera	Bukan Bumiputera
2009	1914405	63871
2010	209912	74590
2011	199879	73400

Sumber: EPRD (2010)

**Jadual 1.6: Bilangan Murid Pemulihan Bumiputera Dan Bukan Bumiputera Peringkat Negeri Selangor Di Sekolah Rendah**

Sekolah	Menengah	
	Bumiputera	Bukan Bumiputera
2009	4718	1801
2010	4619	2067
2011	4593	1885

Sumber: EPRD (2010)

Kebanyakan masyarakat India di Malaysia telah mengalami gaya hidup yang ditentukan oleh dasar atau polisi sistem pekerjaan buruh kasar. Justeru, kebanyakan anak-anak buruh memasuki Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan dan menggunakan bahasa Tamil semasa disekolah rendah. Sejak kebelakangan ini terdapat peningkatan bilangan murid India yang memasuki sekolah kebangsaan (Jadual 1.7) Seterusnya kebanyakan murid India inilah yang memasuki Sekolah Menengah Kebangsaan di kawasan yang berdekatan. Sekumpulan daripada mereka gagal menaikul penggunaan Bahasa Melayu dan mata pelajaran lain. Segelintir yang gagal Bahasa Melayu di peringkat Sekolah Rendah melalui kelas peralihan sebelum naik ke tingkatan 1 pekara ini juga menyebabkan daya motivasi diri mereka amat kurang.

**Jadual 1.7: Bilangan Murid India Di Sekolah Kebangsaan Dan Jenis Kebangsaan Peringkat Kebangsaan**

Sekolah	Sekolah Kebangsaan	SJKT
2009	87745	105019
2010	82294	107778
2011	77323	108517

Sumber: EPRD (2010)

Perpindahan dan penempatan baru masyarakat India dari kawasan ladang atau pendalamam mengundang perubahan dari segi struktur sosial kekeluargaan dan peranan ibu bapa. Bentuk keluarga berubah daripada konsep Keluarga luas kepada keluar kecil atau nuklears.

Banyak kajian telah dijalankan oleh beberapa orang pengkaji tempatan namun kajian-kajian ini lebih menyentuh aspek sosioekonomi (Marimuthu, 1980) dan hubungan kekeluargaan dan persekitaran rumah tangga (Bibi Jan Muhammad Ayyub, 1992). Kebanyakan kajian lepas lebih memberikan perhatian kepada Kaum Melayu (Taha Abdul Kadir, 1990) dan Mohammad Azmi Yusuf (2003). Kajian terperinci tidak dijalankan untuk mendalami faktor kekeluargaan dan persekitaran serta kesinumbungannya. Kajian-kajian lepas berfokus kepada faktor kegagalan murid dan kaitannya dengan SES tanpa melihat pengaruh keluarga India dari segi struktur keluarga dan stail keibubapaan, aliran sekolah dan pembentukan konsep kendiri. Kekurangan kajian tentang pengaruh dan Impak struktur keluargaan, stail keibubapaan, persekitaran murid India, pembentukan konsep kendiri murid India dan aliran sekolah terhadap prestasi murid India di sekolah menengah menjadi tumpuan kajian ini.

## **Objektif Kajian**

Objektif kajian ini adalah untuk mengenalpasti punca-punca yang membawa kepada keciciran pelajar India di daerah Puchong serta menetukan hubungan persekitaran dan sosioekonomi kelurga dengan keciciran murid India.

- i) Mengenalpasti faktor persekitaran dan sosioekonomi keluarga dalam mempengaruhi keciciran murid India.
- ii) Mendalami dan mendedahkan implikasi keciciran pelajar India.
- iii) Mengenal pasti langkah-langkah untuk mengatasi masalah keciciran murid India.

## **Persoalan Penyelidikan**

Berikut merupakan soalan-soalan kajian berdasarkan objektif-objektif kajian diatas:

- i) Sejauhmanakah faktor persekitaran dan sosioekonomi keluarga mempengaruhi keciciran murid India.
- ii) Apakah kesan keciciran murid India.
- iii) Apakah langkah-langkah yang dapat dikenalpasti dalam membantu mengurangkan masalah keciciran murid India.

## **Kepentingan Kajian**

Kajian ini berniat untuk mendalami faktor-faktor yang menjadi pemangkin utama dalam kalangan murid India yang terbabit dalam masalah keciciran. Banyak kajian telah dilaksanakan untuk mengetahui faktor-faktor yang mendorong kepada keciciran murid India di sekolah menengah. Semua kajian tersebut mengkaji secara keseluruhan tetapi tidak mendalami isu ini secara terperinci. Kajian ini bertujuan menyelidik secara mendalam tentang faktor-faktor yang membawa kepada keciciran murid khasnya. Penyelidikan ini juga memberikan gambaran kepada ibu bapa, pihak sekolah dan Kementerian Pendidikan Malaysia tentang isu keciciran murid dalam menentukan kaedah terbaik untuk mengatasi masalah ini diperingkat permulaan. Kajian ini boleh digunakan sebagai bahan rujukan untuk membentuk teori serta kerangka model yang paling lojik dan sesuai untuk menangani masalah keciciran. Kajian ini juga dapat mengurangkan gejala sosial dalam kalangan komuniti India serta membantu meningkatkan tahap pendidikan remaja India dan secara langsung meningkatkan status sosial masyarakat India.

## **Sorotan Kajian**

Terdapat banyak kajian lepas yang telah dijalankan untuk mencari punca-punca keciciran murid dibangku sekolah. Pelbagai jawapan telah diperolehi antaranya pengaruh sosioekonomi keluarga yang bermula daripada latar belakang pendidikan ibu bapa, pekerjaan ibu bapa, pendapatan ibu bapa, saiz keluarga dan status sosioekonomi keluarga (SSE).

Menurut Fatimah Daud (1992) manakala Amir Dawi (1999) berpendapat bahawa Keluarga adalah satu bentuk struktur sosial yang menentukan kejayaan setiap ahlinya. Justeru kajian latar belakang keluarga, pencapaian pendidikan, pendapatan, tempat tinggal, pekerjaan dan aspek-aspek lain.

Golongan yang berpendapatan tinggi mengungkitkan perbezaan status dan darjah seseorang individu dalam sesuatu komuniti. Mereka yang tergolong didalam kumpulan berstatus tinggi ini mampu memberikan semua kemudahan dan kelebihan kepada ahli keluarga mereka terutamanya fasiliti pendidikan seperti kelas tusyen, module tambahan dan buku ulangkaji yang mahal ini memberikan impak positif kepada anak-anak tersebut dan menjamin kejayaan mereka manakala murid-murid yang terdiri daripada golongan berpendapatan sederhana dan

rendah mampu menghasilkan keputusan yang terhad sahaja kerana kemudahan yang terhad akibat daripada kekangan kewangan.

Isu ini dibuktikan dalam kajian Puvanesvaran & Rajendran (2004) kekangan kewangan yang menyebabkan ibu bapa atau penjaga terpaksa memberhentikan pelajaran anak-anak mereka kerana tidak mampu menampung perbelanjaan persekolahan anak-anak mereka dan sikap menggalakan anak-anak mereka berkerja sambilan bagi mengurangkan masalah kewangan keluarga.

Menurut Abdul Rahim Abdul Rashid (2006) pelbagai tekanan yang dialami oleh golongan ibu bapa yang mendirikan rumah tangga menyebabkan berlakunya gelombang perubahan yang telah menyebabkan masyarakat lebih suka mendirikan keluarga kecil berbandingkan dengan keluarga teras atau keluarga besar. Perubahan ini telah memberikan kesan drastic dalam proses sosialisasi anak-anak yang membesar dalam keluarga tersebut.

Selain daripada keluarga asa dan keluarga teras, kini keluarga ibu tunggal semakin berleluasa. Beliau menyambung lagi dengan mnerangkan bahawa keluarga jenis ini dipimpin, dilaksanakan dan dijaga oleh seorang wanita tunggal yang tiada pasangan, kemungkinan ditinggalkan, dicerai atau balu yang suami meninggal muda. Keluarga ini menmpunyai beberapa anak yang perlukan tanggungan dan ianya diuruskan oleh ibu mereka.

Artikel dari Sateesh Gouda (2014) pula menjelaskan bahawa latar belakang pendidikan yang dimiliki oleh ibu bapa boleh mempengaruhi pencapaian pendidikan anak-anak mereka. Beliau membuktikan bahawa keciciran murid dalam kalangan keluarga dimana ibubapa kurang pendidikan adalah empat kali ganda daripada kadar keciciran dalam kalangan keluarga yang berpendidikan tinggi. Bukti ini diperkuuhkan lagi oleh statistik dari Jabatan Statistik Malaysia tahun 2019, 4 daripada 10 murid India mengalami keciciran dari alam persekolahan disebabkan oleh masalah sosial. Cuma 5% daripada pelajar India Malaysia yang berjaya sehingga menara gading. Secara keseluruhan pencapaian nasional murid India adalah pada purata 7.5%. Sejumlah 10000 murid tercicir daripada alam persekolahan daripada sekolah rendah hingga ke menengah atas setiap menurut laporan (SWO 2019). Jumlah keciciran ini amat membimbangkan dalam jangka masa panjang, kemungkinan mendatangkan implikasi yang sangat rumit kepada masyarakat India amnya dan Malaysia khasnya.

Sebaliknya Sharifah Md Nor dan Noraizah Shahruddin (2010) menjelaskan bahawa ramai murid dalam aliran serta kelas yang lemah terdiri daripada yang berketurunan Melayu dan India. Di sini beliau juga menjelaskan bahawa kemiskinan yang melampau menyebabkan keadaan rumah tangga yang tidak terurus dan persekitaran yang kurang kondusif keadaan ini menimbulkan suasana yang kurang selesa untuk murid belajar. Suasana rumah tangga yang bising, anak-beranak yang terlalu ramai, bilik terhad, saiz keluarga terlalu besar dalam ruangan rumah yang terlalu kecil. Pendapatan yang rendah menyebabkan persekitaran yang baik dan kondusif tidak dapat disediakan untuk anak-anak. Justeru itu anak-anak kekurangan motivasi untuk belajar dan tidak dapat menghasilkan keputusan yang baik dan akhirnya mengalami keciciran jelas Shahril@Charil Hj Marzuki (2004).

### **Skop Kajian**

Kajian ini mengkaji pengaruh sosioekonomi dan stail keibubapaan terhadap keciciran murid-murid India di daerah Puchong. Kajian ini memberi fokus kepada status sosioekonomi keluarga yang menjadi pendorong utama kepada semua masalah lain sehingga murid tersebut tercicir daripada arus pendidikan yang diterima. Kajian ini memberi fokus kepada status pendapatan


keluarga kerana kehidupan yang selesa dan hubungan keibubapaan yang baik yang menjadi punca utama disebalik kejayaan seseorang murid. Menurut Bruyere & Garbarini (2010) asas perkembangan manusia adalah daripada hubungan kekeluargaan yang baik dan mantap. Setiap perubahan yang dialami dalam persekitaran sosial dan hubungan dengan ahli keluarga (Werner EE, 2000). Kajian ini mendalamai sejauhmanakah faktor sosioekonomi dan stail keibubapaan mempengaruhi kuantiti keciciran murid India di bandar Puchong. Faktor socioekonomi menjadi boleh ubah utama. Sampel atau responden kajian ini ialah 6 orang murid India yang tercincir dari sekolah menengah.

### **Methodologi Kajian**

Kajian ini dilaksanakan di tiga kawasan terpilih iaitu Pusat Bandar Puchong (bandar), Puchong Permai dan Puchong batu 14 (pinggiran bandar). Kawasan ini dipilih daripada bandar Puchong kerana memiliki ciri-ciri yang dapat memenuhi persoalan dalam objektif kajian ini. Enam responden ini telah dijumpa dan ditemu bual untuk mendapatkan penjelasan yang kukuh tentang punca keciciran mereka daripada alam pesekolahan. Kajian ini menggunakan kaedah temu bual dan pemerhatian. Pengkaji telah menyediakan soalan-soalan temu bual berkaitan status sosio-ekonomi murid dan hubungan murid dengan ibubapa sebagai data kajian.

Penyelidikan berkaitan dengan prestasi akademik murid India di peringkat peralihan dilaksanakan dengan menggunakan kaedah kualitatif. Menurut Bogdan dan Biklen (2007), penyelidikan menggunakan kaedah kualitatif lebih tepat digunakan kerana hasil kajian lebih menjurus kepada tajuk atau pokok perbincangan. Menurut Mohammad Ali (2016), kajian yang menggunakan kaedah kualitatif berdasarkan konsep bawah ke atas (*bottom-up*), tidak seperti kuantitatif kajian berkonsep atas ke bawah (*top-down*). Rumusan kajian kualitatif diperoleh dari atas perbincangan atau '*grounded theory*'. Menurut Creswell (2005) kajian kualitatif menggunakan saiz sampel yang kecil iaitu diantara 2 hingga 40 orang sahaja bagi memudahkan pengkaji mendapat data yang terperinci. Pengupasan kajian dijelaskan secara naratif berdasarkan pengalaman peserta yang terlibat di dalam kajian.

**Rajah 1.1 Menggambarkan Proses Perlaksanaan Pendekatan Kualitatif Dalam Kajian Ini**



Etika Pemilihan sampel bagi pembinaan soalan kajian, tujuan kajian Kronologi kajian, pemilihan subjek serta pendekatan Rajah 1.1. Lingkaran Perhubungan (Intergrasi) Analisis Dalam Pendekatan Kajian Kualitatif (Boeije, 2010)

Pengkaji juga telah membuat penemuan dengan pelbagai pihak seperti NGO, kaunselor, pegawai pendidikan daerah serta pengetua dan ahli jawatan kuasa PIBG. Temu bual ini telah dilaksanakan bagi memperkuatkan lagi setiap data yang diterima yang telah menyebabkan kecinciran murid India di sekolah menengah. Selain daripada itu dokumen-dokumen lain seperti akhbar, jurnal, artikel dan dokumentasi serta laporan telah digunakan sebagai maklumat yang sah bagi menguatkan lagi pendirian berkaitan dengan responden.

## **Hasil Kedapatan Kajian**

### ***Faktor Sosio-Ekonomi Keluarga Dan Stail Keibubapaan Terhadap Kecinciran Murid India***

Hubungan kekeluargaan yang erat diperlukan bagi membentuk dan memberikan pendidikan yang sempurna kepada anak-anak. Fungsi setiap ahli keluarga mempunyai kesan terhadap prestasi akademik seseorang murid (Abdul Razak, 2011). Hubungan kekeluargaan yang baik dapat melahirkan seorang murid yang mempunyai perwatakan yang tinggi dan seterusnya amat cemerlang dalam setiap bidang yang diceburi. Dapatkan ini disokong oleh Za`ba (1992) iaitu anak-anak yang mempunyai berhemah tinggi, mulia tingkah laku, halus budi pekerti dan elok adab peragai dan kesopanan jika cukup asuhan dan didikan daripada ibubapa serta ahli keluarga yang lain. Peranan struktur keluarga adalah untuk memberikan ruang pengalaman yang positif sosio-budaya yang menjurus kepada kecemerlangan dalam bidang akademik. Menurut Berns (2007), fungsi keuarga adalah untuk mrnghidupkan suasana yang paling positif untuk anak-anak supaya dalam mengalami pertumbuhan yang baik dan membina daripada segi fizikal dan mental.

Anak-anak juga diperbesarkan dalam keadaan didikan atau pengaplikasian stail keibubapaan yang berbeza serta berlainan. Tindakan dan asuhan ada kala meninggalkan kesan yang mendalam pada diri anak tersebut yang kemudiannya menganggu perkembangan minda anak-anak tersebut. Anak-anak yang diperbesarkan dengan teratur dengan pengajaran nilai-nilai murni serta protocol yang tepat dan lebih berdisiplin. Manakala anak-anak yang diperbesarkan dalam keadaan tegas dan berperibadi mulia dan adakalanya sebaliknya.

Kelainan daripada segi kestailan ibubapa juga turut memainkan peranan yang sangat penting terhadap pembentukan sahsiah murid-murid. Ini kerana budaya cemerlang dalam kalangan murid dibentuk sejak kanak-kanak lagi dari rumah masing-masing. Rumah merupakan tempat pertama bermulanya segala tingkah laku. Menurut Za`ba (1992), Mahzan Arshad (2007) dan Abdul Razak (2011) anak-anak belajar meniru daripada orang tua yang paling rapat dengan mereka dan menjadikan ibu bapa sebagai role model alam pelbagai aktiviti harian mereka. Oleh itu, Ibu bapa perluah menjadi contoh yang baik kepada anak-anak mereka yang berada dalam didikan supaya dapat membentuk peribadi yang mulia.

### ***Implikasi Peningkatan Kadar Kecinciran Murid India***

Laporan SWO (2019) 72% daripada ahli kumpulan gangster atau kongsi gelap terdiri daripada kaum India. Data terkini yang diperolehi oleh Polis diraja Malaysia seramai 28926 ahli kongsi gelap terdiri daripada belia India. Masalah sosial paling utama yang dialam oleh masyarakat India ialah Gangsterisme dan laporan polis menyatakan bahawa 3:10 daripada belia India terlibat dengan aktif dalam kegiatan ini dan dipimpin oleh kelompok serta ketua mereka masing-masing. Kekurangan didikan agama dan kerengangan hubungan kekeluargaan serta persekitaran murid tersebut yang menyebabkan murid tersebut terjebak dalam gejala sosial seperti ini.

Etnik India merupakan yang palig tinggi dalam kalangan magsa membunuh diri di Malaysia. Etnik India merangkumi kadar 3.67 orang daripada setiap 100000 orang. Percubaan unruk membunuh diri pula mencatatkan dalam julat 30 hingga 35 percubaan setiap 100000 orang dan jangkaan bahawa kadar ini akan meningkat pada masa hadapan. Setiap tahun didapati kadar semakin meningkat. Punca utama ialah masalah kewangan, putus cinta, gagal dalam peperiksaan, masalah keluarga dan pengaruh tayangan gambar tamil. SWO (2019) pula melaporkan bahawa:

- 60% jenayah berat dalam negara dilakukan oleh ethnic India.
- Etnik India mengepalaigeng kongsi gelap terbesar di Malaysia.
- 14% kes juvana Malaysia diwakili oleh remaja India.
- 24% kes penderaan wanita terutamanya isteri berlaku dalam kalangan Masyarakat India.
- Masyarakat India Cuma memiliki hak komoditi sebanyak 1.5% sahaja berbandingkan dengan kaum cina 38.5% dan kaum Melayu sebanyak 19.4%
- Cuma 5% pemohon universiti berjaya mendapat tempat dan cuma 1% sahaja berkelayakan mendapat jurusan yang baik.
- Kadar banduan tertinggi ialah kaum India.
- Kadar penagihan dadah kedua tinggi dan minuman arak tertinggi di Malaysia.

### ***Langkah-langkah Mengatasi Masalah Keciciran Pelajar India di Malaysia***

Menurut data yang dikeluarkan oleh Institut Hal Ehwal Ekonomi dan Demokrasi (IDEAS) (2017) Malaysia, hampir 60% daripada murid tercicir daripada alam persekolahan terdiri daripada keluarga yang berpendapatan rendah, Kekurangan ini meninggalkan kesan pada kecemerlangan akademik murid. Menteri Pendidikan Pelajaran Malaysia, DR. Mazlee Malik pada 29 November 2018, berkata “Apabila seorang murid daripada keluarga yang berpendapatan rendah menjadi siswazah di peringkat universiti, status keluarga itu akan meningkat dan keseluruhan generasi itu akan naik taraf”. Kenyataan itu benar walaupun kelihatan subjektif namun memang benar belaka. Selaras dengan perbincangan sebelum ini masalah keciciran murid-murid India di Malaysia amat membimbangkan dan langkah-langkah yang sepatutnya harus di ambil dengan serta merta agar masalah sosial dalam negara tidak meruncing. Ibu bapa harus memainkan peranan utama. Ibubapa telah meluangkan masa yang banyak bersama anak-anak mereka sejak kelahiran sehingga ke bangku sekolah. Didikan agama dan penerapan nilai bermula di rumah. Kesempitan kewangan menyebabkan ibu bapa terpaksa berkerja siang malam untuk menyara hidup dan tidak dapat menumpukan perhatian terhadap didikan awal dan pendidikan akademik anak-anak. Pendapatan ayah yang tidak mencukupi memaksa ibu untuk mula berkerja dan inilah yang membawa kesan mendalam pada sanubari murid tersebut rasa kekurangan kasig saying dan mengikuti jejak rakan sebaya dan terjebak dalam gejala sosial. Ibu bapa komuniti India harus sedar kepentingan pendidikan untuk anak-anak mereka. Ibu bapa harus menambahkan insiatif untuk berjumpa dengan guru matapelajaran di sekolah anak, Ibu bapa harus memastikan anak-anak hadir ke sekolah dan memantau serta menyemak buku-buku anak serta aktiviti yang murid itu terlibat. Menurut Holloway (2003) anak-anak amat memerlukan sokongan ibu bapa daripada pelbagai segi, terutamanya kewangan bagi memyiakan wang yang mencukupi bagi membiayai pendidikan contohnya bayaran tusyen, seminar dan wang untuk membeli alatan tulis dan buku untuk melakukan ulangkaji.

Peranan kerajaan pun tidak dapat dinafikan dalam mengatasi masalah keciciran murid India di Malaysia terutamanya Kementerian Pendidikan Malaysia mempunyai peranan serta terlibat secara menerus dalam pengubalan dan pengimplementasian sesuatu polisi yang berjaya.

Kerajaan Malaysia harus memberikan pelbagai bantuan kepada keluarga B40 komuniti India bagi meringinkan beban ibu bapa dan memberikan harapan bahawa masih lagi ada harapan untuk melanjutkan pelajaran walaupun tiada mata pencarian untuk membayar yuran kolej dan universiti maka ibubapa haruslah berperanan untuk memberikan tumpuan sepenuhnya dalam memastikan anak-anak melepas pendidikan menengah supaya dapat melanjutkan pelajaran ke menara gading. Wakil rakyat dan Ahli Parlimen, Ahli Dewan Undangan Negeri dan pemimpin-pemimpin lain yang lebih dekat wajib memainkan peranan bersama untuk melaksanakan program-program yang memberikan pencerahan dan pendedahan tentang peluang-peluang pekerjaan dan peluang pelajaran.

Pelbagai program juga dijalankan untuk memperbaiki tahap pendidikan dan status ekonomi masyarakat seperti “first things first yang dijalankan disekolah-sekolah terpilih. Kumpulan-kumpulan kecil ditubuhkan merangkumi murid guru dan ibu bapa melalui komunikasi yang baik maka pelbagai krisis yg dialami oleh murid-murid itu dengan keluarga dan mata pelajaran dapat diselesaikan dengan mudah. Program ini sangat produktif sehingga melahirkan berpuluhan graduan. Program ini mendorong serta memberikan motivasi untuk murid hadir dan mendapat manfaat yang tinggi serta menghapuskan masalah keciciran di usia muda serta pengangguran muda. Program kecil-kecilan seperti ini yang memberikan impak yang tinggi harus diperkenalkan oleh kementerian pendidikan untuk mengatasi masalah keciciran amnya dan masalah keciciran murid india khasnya.

## **Kesimpulan**

Ini merupakan kajian terperinci yang membincangkan tentang punca-punca peningkatan keciciran dalam kalangan murid India di Malaysia. Objektif penyelidikan kualitatif tercapai dengan melihat perkaitan serta kesinambungan punca-punca keciciran murid India, kesan keciciran murid India yang tinggi terutamanya dalam gejala sosial dan langkah-langkah untuk mengatasi masalah yang sedang menular ini. Perbincangan dalam kajian ini menjelaskan aspek sosio-ekonomi masyarakat India yang menyebabkan keciciran murid India di Malaysia.

## **Rujukan**

- Abdul Razak Zakaria. (2011). Hubungan konteks keluarga dengan penglibatan ibu bapa dan pencapaian akademik anak-anak di sekolah menengah. Tesis Ijazah Doktor Falsafah. Universiti Malaya (tidak diterbitkan)
- Annathurai, Kasinadan (2016) Tirukkural dalam kurikulum Bahasa Tamil sekolah rendah dan menengah: Satu persepsi dan realiti ke arah pembentukan insan holistik. PhD thesis, University of Malaya. (tidak diterbitkan)
- Aufseeser, D., Jekielek, S & Brown, B. (2006). The family environment and adolescent well-being: exposure to positive and negative family influences. Child Trends and The National Adolescent Health Information Center. June.
- Bracey (2003) Teachers around the World, Gerald W. Bracey First Published Volume: 85 issue: 3, page(s): 253-254 Issue published: November 1, <https://journals.sagepub.com>
- Daymon, C., & Holloway, I. (2003). Qualitative research methods in public relations and marketing communication. London: Rout ledge.
- Duncan (Greg J.) and Jeanne Brooks-Gunn Family Poverty (2000), Welfare Reform, and Child Development, Child Development, January/ February 2000, Volume 71, Number 1, Pages 188-196
- Ed Gillis (2014) Reconsidering Dropout Prevention By Understanding Dropouts Queen's University Kingston, Ontario, Canada
- Edmund Bruyere and James Garbarino (2010) The Ecological Perspective on the Human Rights of Children, Springer Science+Business Media B.V. 2010

- Florence S. (2014). Analisis masalah ponteng dalam kalangan pelajar India di Sekolah Menengah Melalui Kaedah Pedagogi Hermeneutik. p. 3-24.
- Freysteindottir, F. J. (2004). Risk factor for repeated child maltreatment. PhD Thesis, University of Iowa, USA
- Ganesen (2013), Pengaruh keluarga terhadap pencapaian akademik murid India di sekolah Menengah Rendah. Ph. D thesis, University of Malaya.
- Gunasekaran, K. (2003). Pengaruh keluarga terhadap pencapaian akademik di kalangan pelajar India di Tampin. Kertas Projek. Universiti Malaya.
- Hamidah Sulaiman. (2004). Peranan ibu bapa membantu anak-anak yang tidak bermotivasi. Keluaran Khas Sempena 100 Tahun UM. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Hamidah Sulaiman; Siti Salina Abdullah; Farrah Dina Yusop. (2004) Peranan Ibu Bapa dan Guru dalam Membantu Pelajar-pelajar yang Menghadapi Masalah Pencapaian Akademik. Volume 27, No. 1, 2004 - MyJurnal - Malaysian Citation Centre
- Heng Gi Wa. (2000). Pengaruh sosioekonomi keluarga dan sikap pelajar terhadap pencapaian akademik: Satu kajian di Melaka. Disertasi Sarjana Perniagaan dan Perakaunan, Universiti Malaya.
- Health Population of Adolescents. Philadelphia College of Osteopathic Medicine Dissertation, Bolton.
- Holloway, J. H. 2003. Addressing the needs of homeless Students. Educational Leadership 60(4):89- 91.
- <https://www.dosm.gov.my>
- <http://www.ideas.org.my/>
- <https://www.mitrap.gov.my/>
- Ishak haron (1977), Social class and educational achievement in plural society: Peninsular Malaysia. Unpublished Ph. D Thesis, University of Chicago.
- Jamie, M. B. (2011) Psychological Factors Associated with Bullying Typologies in a Mental Karthegees, Ponniah (2017) Pemikiran Kritis Dan Amalannya Dalam Masyarakat India Berpendidikan Tamil Di Malaysia Berpandukan Teks Tirukkural. Tesis PhD. Universiti Malaya. (tidak diterbitkan)
- Karthegees, Ponniah (2017) Pemikiran Kritis Dan Amalannya Dalam Masyarakat India Berpendidikan Tamil Di Malaysia Berpandukan Teks Tirukkural. Tesis PhD. Universiti Malaya. (tidak diterbitkan)
- Low, S. & Mulford, C. (2012). Used of a social-ecological framework to understand how and under what conditions family violence exposure affects children's adjustment. Journal of Family Violence. doi: 10.1007/s10896-012-9486-5
- Malliga R. (2013). Muppal Vazhiyil. Kuala Lumpur: Indirani Enterprise.
- Marini Kasim & Nor Shafrin Ahmad. (2019) Malaysian Journal of Learning and Instruction: Vol. 16 (No. 1) June 2019: 233-256 Pusat Pengajian Pendidikan dan Bahasa Moden, Universiti Utara Malaysia, Malaysia. Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan, Universiti Sains Malaysia
- Mohd Yusoff Mohd Nor; Sufean Hussin, (2013) Demokrasi pendidikan: Dilema sekolah kecil dan sekolah berpusat. Penerbit Universiti Malaya, ©2013 Kuala Lumpur.
- Muniandy, M. Elangko (2015) Perkembangan Sosioekonomi Masyarakat India sebelum Dan Selepas Dasar Ekonomi Baru (1957-2000). Tesis PhD. Universiti Sains Malaysia.
- Najeemah Mohd Yusof. (2010). Bahasa dan sempadan etnik dalam kalangan murid pelbagai etnik di sekolah menengah di Malaysia. Kuching: Koleksi Persidangan.
- Nooraini Othman & Salasiah Khairullah (2013). Explorasi Hubungan antara Personaliti Islamik dan Gaya Keibubapaan, International Journal of Islamic Thought. Vol. 4: (Dec.) 2013.

- Nor Eazrin Zaini. (2004). Faktor yang mempengaruhi pencapaian akademik pelajar tingkatan empat di sebuah sekolah menengah di Banting, Pahang. Kertas Projek Sarjana Pendidikan, Universiti Malaya.
- Puvanesvaran (2004) Faktor yang menyebabkan keciciran pelajar India di Kuala Selangor. Pendidikan, Universiti Malaya.
- Rajanthiran (2004) Faktor yang menyebabkan keciciran pelajar India di Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.
- Rosly Abas (2014) Impak Kelompok Devian Terhadap Tingkahlaku Juvana: Kajian Kes Di Bandaraya Georgetown, Pulau Pinang Ijazah Sarjana Sastera (Kerja Sosial) Universiti Utara Malaysia
- Rohana Yusof. (2001). Asas Sains Sosial dari perspektif sosiologi. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ruzina Jusoh. (2005). Perkaitan pencapaian akademik dan gaya keibubapaan pelajar Tingkatan 3 di sebuah sekolah menengah di USJ Subang Jaya. Tesis Ijazah Sarjana Pendidikan. Universiti Malaya.
- Sampson, Robert J, and Charles Loeffler. 2010. "Punishment's Place: The Local oncentration of Mass Incarceration." *Daedalus Summer*: 20-31.
- Santhiram, R. (1999). Education of minorities: The case of Indians in Malaysia. Petaling Jaya: Child Information and Learning Centre.
- Sateesh Gouda M. & T. V. Sekher. 2014. Factors leading to school dropouts in India: An analysis of national family health survey-3 data. *International Journal of Research & Method in Education* 4(6): 75-83.
- Swick, K. J. & Williams, R. D. (2006). An analysis of Bronfenbrenner's bio-ecological perspective for early childhood educators: implications for working families experiencing stress. *Early Childhood Education Journal*, 33(5), 371- 378. 10.1007/s10643-006-0078-y SWO
- The Malaysian Indian Community 2019. Pertubuhan Science and Wellness, Malaysia.
- Wan Hassan Wan Embong, & Siti Norlina Muhamad. (2006). Kesedaran terhadap peranan bapa kepada anggota keluarga mempengaruhi gejala keruntuhan akhlak remaja. Abdul Rahim Abd Rashid, Sufean Hussin & Che Hashim Hassan (Penyt.), Krisis dan konflik institusi keluarga. Kuala Lumpur: Utusan. 91
- Werner EE. Resilient children. *Young Children*. 2000; 1:68–72. Publication Type: Journal Articles; Reports -By Research Emmy E. Werner, Ph. D, Professor of Human Development and Research Child Psychologist, University of California at Davis, California.
- Yap Yoke Fong. (2000). Hubungan antara penglibatan ibu bapa dan status sosioekonomi dengan pencapaian akademik. Tesis Sarjana Pendidikan, Universiti Malaya.
- Zakiyah Jamaluddin. (2011). Kemiskinan dan keciciran dalam pendidikan. *Jurnal Kebajikan Masyarakat*, 37, 5-20.
- Zainah Ahmad Zamani, Rohany Nasir, Asmawati Desa, Rozainee Khairudin, Fatimah Yussoff, Siti Hajar Mohamad Yusoff. (2013). Kefungsian keluarga, pengherutan kognitif dan resilien dalam kalangan klien Cure and Care Rehabilitation Centre (CCRC) dan Klinik Cure and Care (C&C). *Jurnal Psikologi Malaysia*, 27: 137-149.
- \_\_\_\_\_. Malaysia sebagai Negara Maju. 2019. Pejabat Perdana Menteri, Malaysia.
- \_\_\_\_\_. Pelan Induk Sekolah-Sekolah Tamil abad ke-21. (2001). Yayasan Strategik Sosial.
- \_\_\_\_\_. Pelan Tindakan Masyarakat India Malaysia. (2017). *Malaysian Indian Blueprint*.